

**PERANAN PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU (PIBG) DAN
KEBERKESANANNYA DALAM SISTEM PENDIDIKAN
ISLAM SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA) DAN SEKOLAH
RENDAH AGAMA INTEGRASI (SRAI) DI SELANGOR**

Azizah Mohd Rapini
Ayu Nor Azilah Mohamad
Hairol Anuar Mak Din
Muhidin Mokter
Abu Zaki Ismail
Mohd Ehsan Ahmad Sokri

Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRACT

In general, one of the important and acknowledged components in the national education system is Parent-Teacher Association (PTA). It reflects the important role of PTA in the development of education system by means of cooperation between school administration that is responsible in the official school affairs and PTA as the representative council of teachers and parents who are also the client. The same practice can also be seen in the Islamic education system in Religious Primary Schools (RPS) and Integrated Religious Primary Schools (IRPS). The questions that arise are does PTA contribute significantly and to what extent is its effectiveness in the education system of RPS and IRPS in Selangor? In general, the research showed that PTA plays an important role in the education system mainly at the primary level especially where it helps increase the quality of teaching and learning service, infrastructure development, academic excellence and students' morality. Therefore, the effectiveness of PTA is made possible by the cooperation of all parties namely parents, school administration and management, and the State Religious Department (JAIS) as well as State Government. Hence, the paper will be covering some of the roles and effectiveness of PTA in the Islamic education scope based on the target groups by discussing few related issues.

KATA KUNCI : Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Sistem Pendidikan Islam

PENDAHULUAN

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) memainkan peranan penting dalam pembangunan sistem pendidikan Islam sebagai satu wadah penyatuan idea antara pihak guru dengan ibu bapa. Pihak guru memberi perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) menggunakan kurikulum yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) manakala pihak ibu bapa memberi maklum balas terhadap perkhidmatan yang diberikan di samping memberi idea, sokongan dan bantuan terhadap pembangunan akademik dan infrastruktur sekolah. Oleh yang demikian, komitmen dan sumbangan pihak guru dan ibu bapa bersifat ‘menang-menang’ (*win-win situation*) ke arah penambahbaikan pelaksanaan sistem pendidikan Islam di Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Rendah Agama Integerasi (SRAI). John V. Hamby (1992) menggambarkan bahawa hubungan kerjasama di antara guru dan ibu bapa adalah sangat perlu ke arah meningkatkan kualiti P&P sekolah melalui pemerksaan fungsi pihak ibu bapa sebagai guru untuk mendidik, rakan seguruan untuk menganjur sebarang aktiviti di sekolah, ibu bapa sebagai pelajar untuk lebih memahami selok belok pendidikan sekolah dan seterusnya sebagai pengguna atau pelanggan dalam menerima maklumat-maklumat berkaitan perkembangan di sekolah (Kaplan, 1992:61). Justeru, PIBG merupakan satu badan yang sangat relevan bagi memperkuatkan fungsi kedua-dua pihak dan kerjasama yang dimaksudkan.

Kajian ini merupakan kajian perintis untuk melihat peranan PIBG dalam membangunkan sistem pendidikan Islam peringkat rendah di Negeri Selangor. Hasil penyelidikan ini akan digunapakai untuk memberi idea-idea baru dalam usaha memperkasa peranan PIBG dalam membantu peningkatan tahap kecemerlangan akademik dan pengurusan pendidikan di SRA dan SRAI di seluruh Negeri Selangor khususnya. Di samping itu, penyelidikan ini turut membantu kerajaan negeri

mempertingkat dan menambahbaik Sistem Pendidikan Islam di Negeri Selangor.

1. LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada asasnya, PIBG merupakan salah satu wadah penting membantu pihak sekolah meningkatkan kualiti pengurusan pendidikan meliputi sistem P&P dan kemudahan prasarana di samping membina hubungan baik di antara pihak sekolah dengan ibu bapa.

Fasal 3 Peraturan-peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa Dan Guru) 1998 di bawah Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan tujuan penubuhan Persatuan (PIBG) adalah untuk:

- a. Mengadakan sesuatu forum dan perkhidmatan bagi kebajikan dan kemajuan murid-murid dalam sekolah dalam meningkatkan imej sekolah.
- b. Membantu dan menambah usaha sekolah dalam memenuhi kehendak dan keperluan kebendaan murid-murid dalam kegiatan mereka.
- c. Membolehkan ibu bapa dan guru dalam sekolah bertukar-tukar fikiran dan maklumat mengenai pendidikan.
- d. Memberi peluang kepada ibu bapa dan guru dalam sekolah berunding antara satu sama lain dengan cara memperbaiki taraf pendidikan anak-anak mereka pada amnya.
- e. Membolehkan ibu bapa dan guru dalam sekolah untuk berusaha menambah kewangan sekolah dan meningkatkan kemudahan fizikal bagi tujuan meningkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran.

Fasal 4 juga memperuntukkan untuk mencapai tujuan-tujuan di atas, PIBG berfungsi menjalankan aktiviti atau program seperti:

- i. Membantu dalam memajukan perkembangan murid dan menjaga kebajikan murid.

- ii. Menambah sumber kewangan sekolah bagi menambah dan meningkatkan kemudahan di sekolah.
- iii. Meningkatkan kemesraan dan menyediakan saluran komunikasi dan hubungan antara sekolah dengan masyarakat setempat.
- iv. Meningkatkan keceriaan premis sekolah supaya dapat mewujudkan suasana yang kondusif bagi menjayakan aktiviti dan program pendidikan.

Ann Lynch (1992) dalam tulisannya *The Importance of Parental Involvement* menegaskan, ibu bapa tidak sepatutnya menjadi musuh pihak sekolah hanya kerana mereka ingin tahu atau mengambil berat. Adalah menjadi tanggungjawab pihak sekolah untuk terus bekerjasama dengan pihak ibu bapa supaya mereka terus memberi sokongan dan komitmen. Guru-guru juga tidak seharusnya selalu berharap dan bergantung kepada bantuan kewangan dari ibu bapa terhadap pembangunan sekolah. Guru-guru sebagai pengajar/pendidik yang profesional di sekolah sebagai saluran pendidikan rasmi manakala ibu bapa membantu fungsi guru sebagai mentor atau pembimbing kepada generasi muda untuk kelangsungan pendidikan dari sekolah (Kaplan, 1992:304). Konsep yang sama dalam Islam, ibu bapa sebagai guru pertama anak-anak bermula dari rumah sebagai saluran pendidikan tidak rasmi terutama dalam aspek kepercayaan agama, nilai-nilai kehidupan sebagai individu mahu pun masyarakat (Ahmad Kilani, 2003: 23).

Satu kajian dijalankan di sekolah-sekolah di Baltimore oleh Epstein pada tahun 1996, 2001 dan 2005 merumuskan enam kaedah bagaimana pihak sekolah boleh melibatkan ibubapa dalam institusinya, iaitu (Eugenia Hepworth Berger, 2008: 134):

- a. Membenarkan pihak ibu bapa berkongsi kemahiran dan pengetahuan dalam membesarkan anak-anak.
- b. Berkomunikasi dengan ibu bapa dengan apa cara sekali pun sama ada melalui memo, telefon atau pun perbincangan dalam

mesyuarat. Kajian menunjukkan hubungan ibu bapa dengan sekolah akan menjadi lebih erat apabila wujud komunikasi melalui:

- i. Ibu bapa menghubungi pihak sekolah.
 - ii. Ibu bapa melibatkan diri dalam aktiviti kurikulum anak-anak.
 - iii. Ibu bapa bekerjasama dengan pihak sekolah dalam menyelesaikan masalah anak-anak.
 - iv. Ibu bapa meminta pandangan guru bagaimana untuk membantu anak-anak.
 - v. Ibu bapa memantau/memberi perhatian yang lebih kepada penglibatan dan aktiviti anak-anak di sekolah.
- c. Melibatkan ibu bapa sebagai sukarelawan dan pembantu dalam bilik darjah atau kawasan sekolah.
 - d. Memberi panduan kepada ibu bapa bagaimana memantau anak-anak, berbincang dengan anak-anak dan membantu mereka dalam kerja-kerja sekolah.
 - e. Melibatkan ibu bapa dalam proses membuat keputusan, memberi asas kemahiran komunikasi sesama ibu bapa, melibatkan ibu bapa dalam pentadbiran sekolah dan menggalakkan ibu bapa untuk memberi komitmen dalam PTA (PIBG).
 - f. Mengadakan program-program dengan bantuan/tajaan sumber/dana dan perkhidmatan yang boleh diperolehi dari masyarakat sekeliling.

Kecenderungan menghantar anak-anak belajar di Sekolah-sekolah Rendah Agama menunjukkan kesedaran ibu bapa untuk memperkuat penghayatan Islam secara teori dan amalan dalam diri anak-anak melalui saluran rasmi sekolah yang menyediakan guru-guru yang lebih berkemahiran menyampaikan maklumat berkaitan Islam dengan cara yang lebih sistematik. Kesenambungan pendidikan Islam dari institusi

keluarga ke institusi pendidikan rasmi atau sekolah memerlukan hubungan dan kerjasama yang erat untuk menyepadukan hasrat dan idea merangka sebarang aktiviti bagi memenuhi matlamat pembinaan generasi berilmu dan berakhlak sesuai dengan prinsip saling berpesan dengan kebenaran (*al-tawasi bi al-haq*). Usaha ini hanya akan dapat direalisasikan dengan kerjasama dan pertemuan di antara pihak pengurusan sekolah, ibu bapa dan masyarakat umum (Ahmad Kilani, 2003:23). Maka PIBG merupakan saluran yang sangat sesuai terutama bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah khususnya dalam perkembangan akademik murid-murid.

Satu kajian yang pernah dibuat di sekolah-sekolah menengah agama di Selangor, menunjukkan senario sikap ibu bapa yang kebanyakannya tidak memahami matlamat sekolah dan kurang melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Keadaan ini perlu diperbaiki kerana tanpa pemahaman matlamat dan penglibatan dalam aktiviti akan menyukarkan ibu bapa membina komitmen untuk membantu pihak sekolah sedangkan peranan PIBG menjadi faktor utama penentu keberkesanan sistem pendidikan di Malaysia (Ahmad Zabidi Bin Abdul Razak, 2003:3).

Secara umumnya SRA dan SRAI adalah institusi pendidikan di bawah JAIS kerana segala urusan pentadbiran dan pengurusan adalah di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan JAIS. Namun beberapa permasalahan yang sering menjadi isu, iaitu;

- a. Kebergantungan sesetengah SRA dan SRAI terhadap PIBG untuk pembangunan prasarana sekolah.
- b. Kelemahan dan kekurangan prasarana SRA dan SRAI seperti kekurangan bilik darjah, perpustakaan yang tidak lengkap, kekurangan kemudahan IT untuk murid-murid sekolah.
- c. Status PIBG yang tidak aktif.
- d. Konflik hubungan dan kerjasama di antara PIBG dengan pihak pentadbiran sekolah.

- e. Kekurangan sumber dana PIBG untuk survival persatuan.
- f. Kekurangan komitmen ibu bapa dengan program anjuran PIBG.
- g. Penggabungan PIBG SRA dan SRAI seluruh negeri Selangor.

Justeru persoalan ini dirasakan perlu dikaji dan dinilai untuk memastikan objektif pendidikan SRA dan SRAI dapat dicapai dan masa depan murid-murid tidak terabai disebabkan permasalahan-permasalahan yang dihadapi.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara umumnya bertujuan mengkaji peranan PIBG dan keberkesanannya dalam pembangunan sistem pendidikan Islam di SRA dan SRAI. Untuk mencapai tujuan ini, beberapa objektif khusus mendasari kajian ini iaitu:

- a. Mengenal pasti persepsi PIBG terhadap sistem pendidikan Islam di SRA dan SRAI.
- b. Mengenalpasti peranan PIBG dalam pembangunan sistem pendidikan Islam di SRA dan SRAI.
- c. Menilai sumbangan dan keberkesanan PIBG terhadap sistem pendidikan Islam di SRA dan SRAI.
- d. Memberi cadangan-cadangan untuk menambahbaik fungsi dan kepentingan PIBG di SRA dan SRAI di Selangor .

3. PERSOALAN KAJIAN

- a. Bagaimanakah persepsi PIBG terhadap sistem pendidikan Islam di SRA dan SRAI?
- b. Apakah peranan PIBG dalam pembangunan sistem pendidikan Islam di SRA dan SRAI?
- c. Sejauh mana sumbangan dan keberkesanan PIBG terhadap sistem pendidikan Islam di SRA dan SRAI?

- d. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk memperbaiki fungsi dan kepentingan PIBG di SRA dan SRAI di Selangor?

4. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian perintis terhadap fungsi dan peranan PIBG di SRA dan SRAI di Selangor. Dapatan kajian yang akan diperolehi boleh dijadikan panduan atau asas kepada PIBG. Berdasarkan dapatan kajian ini, pihak PIBG boleh memperkasa peranannya dan merangka tindakan susulan untuk meningkatkan komitmen, perancangan aktiviti dan sensitiviti terhadap keperluan semasa persatuan dan pihak sekolah. Berdasarkan cadangan-cadangan yang dikemukakan, PIBG boleh memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dapat dikesan serta boleh memantapkan lagi kelebihan dan kekuatan yang telah wujud. Kajian ini secara tidak langsung dapat membantu usaha untuk memperkasakan Majlis Permuafakatan PIBG (MPPIBG) dan MAPPIS. Dalam masa yang sama, kajian ini akan membantu pihak JAIS dan kerajaan negeri menangani permasalahan yang dihadapi oleh PIBG khususnya dan sistem pendidikan di SRA dan SRAI secara umumnya.

5. BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya memfokuskan peranan dan kepentingan PIBG di SRA dan SRAI negeri Selangor untuk memperkasa sistem pendidikan Islam di sekolah-sekolah terbabit. Di samping itu juga kajian ini melihat sejauh mana sumbangan dan keberkesanannya sebagai satu wadah membantu pihak sekolah khususnya dan kerajaan negeri umumnya meningkatkan kualiti sistem pendidikan Islam di negeri ini di samping langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki atau menambah baik sistem sedia ada.

Responden bagi kajian ini terdiri dari wakil-wakil PIBG di SRA dan SRAI, MPPIBG, Guru-guru Besar SRA dan SRA, berserta wakil JAIS bagi mengenalpasti hubungan, kerjasama dan aktiviti atau program yang dijalankan ke arah merealisasikan misi dan visi penubuhan institusi pendidikan di atas. Kajian ini tidak menyentuh secara terperinci pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam di SRA dan SRAI.

6. METODOLOGI KAJIAN

6.1 Rekabentuk kajian

Kajian ini adalah satu tinjauan (*survey*) yang bertujuan untuk mengkaji peranan PIBG dan keberkesanannya dalam sistem pendidikan Islam di SRA dengan SRAI di negeri Selangor.

6.2 Instrumen Kajian

Dua instrumen dibina dan digunakan oleh penyelidik untuk kajian ini:

- a. Borang soal selidik kepada Jawatankuasa PIBG: Satu set borang soal selidik telah dibina untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas Jawatankuasa PIBG yang terdiri daripada ibu/bapa/penjaga dan guru terhadap peranan dan bidangkuasa PIBG, serta sistem pendidikan Islam itu sendiri. Soalan yang diajukan kepada responden merangkumi pelbagai aspek yang berkaitan dengan PIBG, MPPIBG serta respon ibu bapa terhadap aktiviti sekolah.
- b. Protokol Temubual: Satu set protokol temubual dibina khusus untuk kumpulan sasaran yang mempunyai kaitan secara langsung dengan PIBG iaitu MPPIBG Daerah-daerah di Selangor, Guru Besar SRA dan SRAI atau wakilnya serta wakil Bahagian Pendidikan JAIS bagi menilai sistem pendidikan Islam yang digunakan.

Kombinasi penggunaan kedua-dua instrumen ini adalah sebagai salah satu cara untuk memenuhi keperluan kajian bagi mengumpul data melalui edaran borang soal selidik di beberapa SRA dan SRAI. Ia bertujuan memastikan segala maklumat dan fakta yang diperolehi daripada borang soal selidik mempunyai hubung kait dan menjadi asas yang saling menyokong di antara kedua-dua instrumen yang telah diaplikasikan. Manakala data-data sokongan diperolehi melalui siri-siri perbincangan dan bengkel yang diadakan di antara kumpulan penyelidik dengan beberapa orang responden yang mewakili kumpulan responden utama iaitu Pengerusi-pengerusi PIBG, wakil pentadbir sekolah, wakil-wakil MPPIBG dan wakil-wakil JAIS.


Sebelum menjalankan penyelidikan sebenar kesemua instrumen telah diuji (*pilot study*) kepada 30 orang responden yang mewakili 15 orang ibu/bapa/penjaga dan 15 orang guru di sekitar Bangi, Daerah Hulu Langat serta Daerah Klang. Setiap borang soal selidik yang diberi akan mengambil masa sekitar 10-20 minit dan anggaran jangkaan masa yang sama apabila kajian sebenar diadakan. Kajian rintis dilakukan untuk memastikan bahawa instrumen-instrumen yang digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan. Bagi protokol temubual pula, penyelidik merancang proses temubual berstruktur yang dijalankan akan hanya mengambil masa 60 – 90 minit sahaja.

6.3 Kaedah Persampelan

Kajian ini hanya menumpukan kepada ibu/bapa dan guru-guru yang mewakili PIBG di SRA dan SRAI. Sekurang-kurangnya 10-15 wakil PIBG daripada setiap sekolah bagi menjawab borang soal selidik. Kajian ini mensasarkan 570 orang ibu/bapa/penjaga dan guru yang mewakili PIBG SRA dan SRAI. Walau bagaimanapun, hanya 496 borang sahaja yang dikembalikan memandangkan ada beberapa sekolah yang mempunyai AJK dengan bilangan yang sangat minimum iaitu tujuh orang. Pada asasnya, pemilihan sekolah dan sampel kajian

dilakukan menggunakan kaedah *two-stage random sampling* yang menggabungkan *cluster sampling* dan *stratified random sampling* (Burns 2000 dan Babbie 1986). Kaedah ini digunakan untuk proses pemilihan sekolah-sekolah SRA mengikut kawasan bandar dan luar bandar. Manakala semua SRAI dilibatkan dalam penyelidikan ini. Ini dapat dilihat dalam rajah di bawah.

Rajah I



6.4 Kaedah Pengumpulan Data

Untuk merealisasikan objektif kajian ini, beberapa kaedah telah dikenalpasti untuk memperoleh data yang berkaitan iaitu:

- i. Maklumbalas pihak PIBG (ibu/bapa dan guru) melalui edaran borang soal selidik.
- ii. Perbincangan dan temubual dengan beberapa Pengerusi PIBG SRA dan SRAI atau wakilnya.
- iii. Perbincangan dan temubual dengan wakil MPPIBG.
- iv. Perbincangan dan temubual dengan wakil JAIS.
- v. Perbincangan dan temubual dengan Guru Besar SRA dan SRAI atau wakilnya.

6.5 Analisis Data

Data-data yang diperoleh melalui kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan program *SPSS For Windows (Version 13)*. Data-data daripada borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti peratus bagi memudahkan penyelidik mendapatkan gambaran segera berkaitan dengan data dan frekuensi bagi mendapatkan data yang terperinci terutamanya yang berkaitan dengan latar belakang sampel dan juga persepsi sampel terhadap item-item atau pembolehubah-pembolehubah kajian. Bagi semua pernyataan, penyelidik telah mengekodkan semula data kepada tiga skor utama iaitu setuju, tidak setuju dan tidak pasti.

Selain itu maklumat tambahan yang diperoleh melalui temubual dengan wakil MPPIBG, Guru Besar sekolah dan wakil JAIS dianalisis secara manual. Di samping itu penganalisan secara kualitatif juga dibuat bagi data-data yang diperoleh melalui temubual dan perbincangan dengan responden-responden utama.

7. DAPATAN KAJIAN

7.1 Latar Belakang Responden Kajian

Responden melalui instrumen soal selidik terdiri daripada 496 orang Ahli Jawatankuasa (AJK) PIBG di SRA dan SRAI yang terpilih di seluruh negeri Selangor. Daripada bilangan tersebut, 51.01% terdiri daripada ibu bapa dan selebihnya 48.99% daripada kalangan guru-guru. 44.56% responden terdiri daripada AJK lelaki dan 55.44% adalah wanita. Daripada aspek kelayakan akademik 48.39% responden berkelayakan SPM/STPM/SIJIL/setaraf dengannya, 34.48% berkelayakan diploma, 13.31% berkelayakan Ijazah dan 3.83% bagi kelayakan-kelayakan yang lain. 64.72% daripada keseluruhan responden bekerja di sektor kerajaan, 15.73% di sektor swasta, 12.90% bekerja sendiri dan 6.65% tidak bekerja.

Perbezaan latar belakang di atas sedikit sebanyak telah mempengaruhi dapatan kajian terutama dari aspek persepsi mereka terhadap sistem pendidikan Islam di SRA dan SRAI serta penilaian mereka terhadap keberkesanan peranan PIBG terhadap sistem pendidikan Islam di SRA dan SRAI.

7.2 Persepsi PIBG Terhadap Sistem Pendidikan Islam SRA Dan SRAI

Kajian menunjukkan bahawa majoriti AJK PIBG di SRA dan SRAI bersetuju terhadap terhadap aspek-aspek berikut:

- a. SRA/SRAI mempunyai sistem pendidikan bersepadu dengan peratusan sebanyak 83.81% di SRA dan 91.67% di SRAI.
- b. AJK PIBG berpuashati dengan proses pengajaran dan pembelajaran di SRA/SRAI dengan peratusan sebanyak 88.35% di SRA dan 81.94% di SRAI.
- c. AJK PIBG amat berpuashati dengan suasana persekitaran sekolah dengan peratusan sebanyak 73.01% di SRA dan 72.23% di SRAI.
- d. AJK PIBG amat mengutamakan pengajaran dan pembelajaran berbanding kemudahan prasarana dengan peratusan sebanyak 73.58% di SRA dan 72.92% di SRAI.
- e. AJK PIBG mengambil berat permasalahan SRA/SRAI dengan peratusan sebanyak 84.1% di SRA dan 84.72% di SRAI.
- f. Pengurusan sekolah di SRA/SRAI amat baik dengan peratusan sebanyak 87.21% di SRA dan 77.08% di SRAI.
- g. Pentadbiran sekolah di SRA/SRAI amat baik dengan peratusan sebanyak 89.2% di SRA dan 73.61% di SRAI.
- h. Kelayakan guru-guru sekolah SRA/SRAI amat baik dengan peratusan sebanyak 76.13% di SRA dan 72.92% di SRAI.
- i. Kemudahan prasarana sekolah di SRA/SRAI baik dan lengkap dengan peratusan sebanyak 57.68% di SRA dan 58.34% di SRAI.

- j. Masa pembelajaran sekolah SRA/SRAI amat baik dengan peratusan sebanyak 91.48% di SRA dan 81.95% di SRAI.
- k. Kualiti soalan peperiksaan sekolah SRA/SRAI amat baik dengan peratusan sebanyak 88.64% di SRA dan 86.81% di SRAI.
- l. Pelajar-pelajar SRA/SRAI mempunyai masa depan/halatuju yang jelas dengan peratusan sebanyak 88.07% di SRA dan 72.22% di SRAI.

7.2.1 Ulasan

Dapatan kajian melalui soal selidik menunjukkan AJK PIBG di SRAI lebih peka dan meletakkan jangkauan (*expectation*) yang tinggi terhadap proses dan suasana pembelajaran dan pengajaran serta kemudahan prasarana di sekolah dengan merujuk kepada perbezaan peratusan di antara dapatan di SRA dan SRAI. Begitu juga dalam soal pentadbiran dan pengurusan sekolah termasuk aspek kualiti soalan peperiksaan sekolah. Senario ini dipengaruhi oleh faktor latar belakang AJK PIBG di SRAI terutama AJK ibu bapa yang majoritinya memiliki latar belakang pendidikan yang tinggi (63.16% berkecayaan diploma dan ijazah) berbanding AJK PIBG (ibu bapa) di SRA yang majoritinya berkecayaan SPM/STPM/Sijil (57.14%). Dapatan kajian melalui perbincangan bersama responden juga memberikan maklumbalas yang sama bahawa pihak ibu bapa sangat menekankan aspek P&P berbanding isu-isu lain (Bengkel 2:Oktober 2010). Hal ini sedikit sebanyak memberikan tekanan besar kepada pihak sekolah dan PIBG terutamanya di SRAI untuk memberikan perkhidmatan P&P yang maksimum kepada anak-anak kerana ramai dalam kalangan ibu bapa yang lebih cenderung mempersoalkan isu prestasi peperiksaan (Bengkel 1:Ogos 2010).

Begitu juga dengan persepsi AJK PIBG di SRAI yang lebih peka terhadap kecekapan guru-guru di SRAI terutama isu kecekapan ikhtisas guru-guru yang sering ditimbulkan oleh ibu bapa terutama di SRAI

tentang kekurangan kepakaran/kelayakan ikhtisas guru dalam mata pelajaran bukan agama (Bengkel 1: Ogos 2010).

Masalah juga timbul apabila kursus-kursus yang dianjurkan oleh JAIS kepada guru-guru masih lagi belum mencapai matlamatnya untuk meningkatkan tahap kemahiran dan profesionalisme mereka disebabkan kelemahan dari aspek modul yang kurang menyeluruh dan tempoh kursus yang singkat (Temubual: 5 Ogos 2010). Contohnya, guru-guru SRAI yang mengajar muzik diberikan kursus kemahiran mengajar khat (Temubual: 12 Ogos 2010). Walau bagaimanapun masalah ini sedikit sebanyak dapat di atasi kerana sudah ramai guru-guru SRA/SRAI sama ada yang dihantar oleh pihak sekolah atau pun dengan inisiatif guru-guru sendiri yang mengambil kursus perguruan secara separuh masa yang ditawarkan oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan sambutannya amat menggalakkan.

Bukan setakat itu sahaja, malah kekerapan silih ganti (*turn over*) guru-guru KAFA tanpa ikhtisas sedikit menjejaskan perkhidmatan P&P di sekolah (Bengkel 2: Oktober 2010)

Isu masa depan dan hala tuju murid-murid lepasan SRAI yang sering ditimbulkan jelas dapat dilihat melalui dapatan kajian soal selidik apabila peratus majoritinya lebih rendah berbanding di SRA. Hal ini kerana masalah status keputusan UPSR pelajar lepasan SRAI sama seperti status sekolah swasta sehingga menyukarkan murid-murid membuat permohonan menyambung pembelajaran peringkat menengah ke sekolah berasrama penuh kementerian (Bengkel 1:2 Ogos 2010).

Dapatan kajian juga memperlihatkan peratusan AJK PIBG yang memberikan respon positif terhadap kemudahan prasarana sekolah tidaklah begitu besar walaupun mewakili peratusan majoriti berbanding isu-isu lain. Hal ini disebabkan pembangunan prasarana dan kemudahan fasiliti sering menjadi isu dalam mana-mana forum perbincangan dalam PIBG terutama di SRA/SRAI yang baru wujud dan sekolah-sekolah luar bandar seperti makmal komputer, bilik sumber,

tandas, kerosakan bangunan sekolah, aspek-aspek keselamatan murid-murid, kekurangan bilik darjah dan sebagainya (Bengkel 1: Ogos 2010, Bengkel 2: Oktober 2010). Tambahan pula bantuan dari pihak JAIS hanyalah dari aspek kemudahan asas, bukan fasiliti tambahan yang perlu diusahakan sendiri oleh pihak sekolah. Malah, aduan kerosakan fasiliti yang diajukan oleh pihak sekolah akan mengambil masa dua hingga tiga bulan untuk diambil tindakan (Temubual 4 Ogos 2010).

7.3. Peranan PIBG Dalam Sistem Pendidikan Islam SRA Dan SRA Di Negeri Selangor

Kajian menunjukkan majoriti AJK PIBG SRA dan SRAI di Selangor bersetuju bahawa PIBG memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan Islam di SRA dan SRA. Ini dibuktikan melalui hasil analisis peratusan bagi mendapatkan respon AJK PIBG yang bersetuju dalam aspek-aspek berikut:

- a. Kepekaan AJK PIBG terhadap aktiviti PIBG di sekolah mereka dengan peratusan sebanyak 92.85% di SRA dan 90.97% di SRAI.
- b. Keseronokan menjadi AJK PIBG dengan peratusan sebanyak 85.15% di SRA dan 72.92% di SRAI.
- c. Kerelaan AJK mengeluarkan perbelanjaan untuk PIBG dengan peratusan sebanyak 78% di SRA dan 61.80% di SRAI.
- d. Kehadiran dalam aktiviti anjuran PIBG dengan 84.57% AJK di SRA dan 79.16% di SRAI yang kerap menghadiri aktiviti yang dianjurkan.
- e. Kefahaman AJK terhadap peranan dan fungsi PIBG dengan peratusan sebanyak 90.85% di SRA dan 90.27% di SRAI.
- f. Pandangan AJK yang bersetuju bahawa misi dan visi PIBG sekolah adalah jelas dengan peratusan sebanyak 84.86% di SRA dan 83.33% di SRAI.

- g. Kesiediaan AJK PIBG untuk sentiasa menghargai komen ibu bapa/penjaga/guru dengan peratusan sebanyak 91.69% di SRA dan 89.58% di SRAI.
- h. Kesiediaan AJK PIBG untuk sentiasa berusaha mengatasi segala permasalahan dalam persatuan dengan peratusan sebanyak 91.11% di SRA dan 84.73% di SRAI.
- i. Kesiediaan AJK PIBG untuk sentiasa menambahbaik sebarang cadangan daripada ibu/bapa/penjaga/guru dengan peratusan sebanyak 92.84% di SRA dan 83.33% di SRAI.
- j. Pandangan AJK yang bersetuju bahawa PIBG sekolah mereka amat aktif dengan peratusan sebanyak 73.35% di SRA dan 75% di SRAI.

7.3.1 Ulasan

Dapatan kajian menunjukkan AJK PIBG di SRA lebih memberikan komitmen kepada persatuan berbanding AJK PIBG di SRAI. Hal ini mungkin disebabkan faktor kesibukan pimpinan PIBG dengan kerjaya masing-masing sehingga menyebabkan kurangnya penglibatan AJK ibu bapa dalam program-program yang dianjurkan seperti mesyuarat dan gotong-royong di sekolah (Bengkel 2:Oktober 2010).

Isu komitmen AJK bukan merupakan isu baru terutama komitmen dalam program-program yang dianjurkan sama ada oleh pihak sekolah atau PIBG sendiri terutama komitmen daripada kaum bapa, sehingga kadang-kadang hanya 50-60% sahaja ibu bapa yang hadir dalam mesyuarat agung tahunan PIBG. Malah ada sesetengah sekolah yang menghadapi masalah kekurangan AJK bapa/lelaki (Temubual 4 Ogos 2010).

Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan PIBG yang lebih aktif adalah PIBG di SRAI dengan merujuk kepada peratusan yang lebih besar berbanding SRA. Senario ini berlaku mungkin disebabkan oleh penubuhan PIBG sesetengah sekolah hanya untuk memenuhi

sebahagian daripada keperluan dalam organisasi sekolah terutama di SRA (Bengkel 2:Oktober 2010).

Kewujudan MPPIBG yang kurang aktif dan PIBG sesetengah sekolah yang kurang memberikan komitmen kepada MPPIBG daerah sedikit sebanyak menyumbang kepada peratusan AJK PIBG yang kurang maklumat dan pengetahuan tentang penubuhan MPPIBG (Bengkel 1:Ogos 2010)

Kajian juga mendapati bahawa MPPIBG daerah Klang merupakan MPPIBG yang lebih aktif berbanding MPPIBG daerah lain di Selangor yang keseluruhannya mempunyai sembilan daerah. MPPIBG Klang yang telah menggariskan visinya untuk memartabatkan MPPIBG sebagai sebuah badan NGO yang bertanggungjawab membantu pendidikan Islam terus cemerlang berserta visinya bertekad ke arah mencapai kecemerlangan pengurusan, akademik, dan sahsiah guru, pentadbir dan ibu bapa/penjaga melalui hubungan dengan Allah dan manusia. Organisasi ini juga telah berjaya merangka dan mengadakan beberapa program sama ada untuk murid-murid SRA/SRAI mahu pun guru-guru SRA/SRAI ke arah mempertingkatkan dan memperkuatkan jati diri serta mutu P&P di sekolah. MPPIBG sentiasa berusaha untuk meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan pihak JAIS dan kerajaan negeri sebagai 'orang tengah' bagi menyelesaikan beberapa permasalahan yang dihadapi oleh pihak sekolah terutama aspek fasiliti, dana, kecemerlangan akademik murid-murid, mutu P&P serta kemahiran guru-guru (Bengkel 1: 2 Ogos 2010 , Bengkel 2:14 Oktober 2010).

7.3 Keberkesanan Fungsi PIBG Dalam Sistem Pendidikan Islam SRA Dan SRAI

Hasil analisis data menunjukkan keberkesanan PIBG di SRA dan SRAI dalam sistem pendidikan Islam SRA dan SRAI. Penilaian ini dibuat

berdasarkan peratusan AJK PIBG yang bersetuju terhadap sumbangan mereka kepada SRA dan SRAI meliputi aspek-aspek berikut:

- a. Pembangunan prasarana sekolah dengan peratusan sebanyak 89.97% di SRA dan 79.86% di SRAI.
- b. Peningkatan kualiti sistem penyampaian dan pembelajaran di sekolah dengan peratusan sebanyak 82.52% di SRA dan 65.28% di SRAI.
- c. Pembentukan sahsiah pelajar dengan peratusan sebanyak 83.38% di SRA dan 63.18% di SRAI.
- d. Penyelesaian masalah disiplin pelajar dengan peratusan sebanyak 78.22% di SRA dan 45.13% di SRAI.
- e. Hubungan baik di antara pihak pengurusan sekolah dengan PIBG dengan wujudnya sokongan daripada pihak pengurusan sekolah terhadap PIBG dengan peratusan sebanyak 95.7% di SRA dan 90.28% di SRAI.
- f. Sikap proaktif PIBG sekolah merangka aktiviti dan program untuk sekolah dengan peratusan sebanyak 83.38% di SRA dan 74.31% di SRAI.
- g. Hubungan baik di antara ibu bapa pelajar dengan PIBG dengan wujudnya sokongan daripada ibu bapa pelajar terhadap PIBG dengan peratusan sebanyak 79.65% di SRA dan 68.75% di SRAI.
- h. Hubungan baik di antara Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dengan PIBG dengan wujudnya sokongan padu dari JAIS terhadap PIBG dengan peratusan sebanyak 71.35% di SRA dan 61.8% di SRAI.
- i. Kecemerlangan akademik anak-anak dengan peratusan sebanyak 86.82% di SRA dan 77.77% di SRAI.

7.4.1 Ulasan

Analisis kajian menunjukkan peratusan dapatan yang rendah di SRAI berbanding SRA dalam semua aspek penilaian terhadap keberkesanan fungsi PIBG terutama peranannya untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian dan pembelajaran di sekolah, membantu pembentukan sahsiah pelajar dan penyelesaian masalah disiplin pelajar serta usaha mereka meningkatkan hubungan baik bagi mendapatkan sokongan padu dari Jabatan Agama Islam Selangor .

Aspek keberkesanan peranan PIBG dalam mengatasi masalah disiplin pelajar perlu diambil perhatian kerana dapatan kajian menunjukkan peratusan AJK guru di SRAI yang seolah-olah melihat PIBG tidak banyak membantu pihak sekolah dalam menyelesaikan masalah disiplin pelajar.

Dapatan kajian juga menunjukkan hubungan PIBG di SRAI dengan ibu bapa menunjukkan peratusan yang tidak begitu tinggi berbanding SRA walaupun ia mewakili peratusan majoriti. Hal ini mungkin berlaku disebabkan kekurangan komitmen daripada ibu bapa sehingga menyukarkan pihak PIBG meningkatkan komunikasi dan penyampaian maklumat (Bengkel 2:Oktober 2010).

Begitu juga halnya dengan hubungan di antara PIBG dengan JAIS. Isu kekurangan tempat meneruskan pelajaran peringkat menengah agama di bawah JAIS mungkin menjadi salah satu faktor berlakunya senario di atas sehingga ada ibu bapa yang masih menunggu peluang masuk ke Sekolah Agama Menengah (SAM) di bawah kelolaan JAIS walaupun sesi pembelajaran sudah bermula (Bengkel 2:Oktober 2010). Ditambah lagi dengan isu murid-murid lepasan SRAI yang sukar menyambung pelajaran ke peringkat menengah di SBP dan MRSM (Temubual 21 September 2010).

Salah satu lagi faktor yang menyumbang kepada peratusan yang agak rendah di SRAI berbanding SRA berkaitan hubungan PIBG dengan JAIS ialah isu program Literasi Dan Numerasi (LINUS) yang

tidak diterima oleh JAIS walaupun ini bukan program wajib Kementerian Pelajaran Malaysia sedangkan pihak PIBG telah berusaha untuk mendapatkan program tersebut. Malah cadangan yang diusulkan oleh pihak PIBG kepada pihak JAIS untuk memohon program LINUS telah ditolak dengan alasan program tersebut kurang sesuai (Temubual 21 September 2010).

Isu besar yang sering ditimbulkan ialah sukatan kurikulum akademik yang perlu diusahakan sendiri oleh pihak sekolah dan guru-guru di SRAI melalui Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). Sewajarnya JAIS berperanan sebagai penyelarasan dalam menyediakan atau mendapatkan kurikulum tersebut dari PPD untuk kegunaan SRAI. Kegagalan pihak JAIS memainkan peranan tersebut menyebabkan SRAI tidak mendapat maklumat sepenuhnya tentang silibus terkini kementerian. Akhirnya guru-guru di SRAI perlu mengambil inisiatif sendiri untuk mendapatkan silibus berkenaan. Ini menunjukkan seolah-olah SRAI yang diwujudkan oleh JAIS perlu hidup berdikari. Masalah ini mengundang kebimbangan pihak sekolah dan PPD untuk memberikan kurikulum sekiranya tindakan sedemikian menyalahi undang-undang sedangkan silibus tersebut sememangnya diperlukan untuk mengemaskini silibus sedia ada. Masalah sedemikian sudah pun berlanjutan selama sembilan tahun. Malah sehingga kini JAIS belum memberikan sebarang makluman terperinci tentang Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang telah dilaksanakan bermula dengan murid-murid Tahun 2 sedangkan SRAI tidak boleh menolak program tersebut (Temubual: 10 Ogos 2010).

Halangan untuk penyatuan PIBG SRA dan SRAI seluruh negeri Selangor secara rasmi juga memberi kesan kepada hubungan PIBG dengan JAIS kerana JAIS hanya boleh menyokong usaha ke arah itu, tetapi bukan memberi kelulusan rasmi (Bengkel 2: Ogos 2010).

Selain itu, isu lain yang telah dibangkitkan ialah kerja-kerja pemantauan pihak JAIS ke SRA melalui Unit Nazir yang hanya

memantau suasana dan persekitaran sekolah tetapi tidak menyentuh tentang PIBG sekolah. Ini menunjukkan seolah-olah PIBG tidak dilihat sebagai organisasi penting dalam sistem pendidikan di SRA/SRAI (Temubual 4 Ogos 2010).

Walaupun bagaimanapun, dari aspek keberkesanan fungsi PIBG dalam pembangunan prasarana sekolah, jalinan hubungan mereka dengan pihak pengurusan sekolah, aktiviti dan program kerjasama antara PIBG dan pihak sekolah serta kecemerlangan akademik murid-murid masih memperlihatkan peratusan yang tinggi walaupun wujud perbezaan yang nyata di antara dapatan di SRA dengan SRAI. Ini menunjukkan PIBG di kedua-dua jenis sekolah masih banyak memberi sumbangan besar terhadap aspek-aspek tersebut.

7.3.4 Masalah Dan Cabaran PIBG Dalam Sistem Pendidikan Islam SRA Dan SRAI

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya segelintir sekolah yang masih terlalu bergantung dengan PIBG terutama di SRA melalui analisis peratusan sebanyak 36.39% berbanding di SRAI yang hanya 20.83% yang bersetuju terhadap kebergantungan tersebut. Masalah juga berlaku apabila PIBG sendiri yang menghadapi masalah kekurangan dana untuk mengadakan sebarang program dan aktiviti terutama PIBG di SRA luar bandar (Bengkel 1:Ogos 2010).

Kajian juga menunjukkan hanya 45.28% AJK PIBG di SRA dan 27.08% di SRAI yang bersetuju bahawa Kerajaan Negeri mengambil berat terhadap perkembangan PIBG. Malah peratusan AJK PIBG di SRAI yang tidak bersetuju terhadap isu ini lebih tinggi iaitu 24.31% berbanding 7.16% di SRA. Malah peratusan mereka yang 'tidak pasti' tentang sejauh mana kerajaan negeri mengambil berat terhadap perkembangan mencatat peratusan yang agak tinggi iaitu 46.13% di SRA dan 45.83% di SRAI.

7.5.1 Ulasan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa masih ada sekolah yang bergantung kepada bantuan PIBG terutama di SRA. Hal ini disebabkan oleh faktor ketidakselarasan kadar yuran PIBG di SRA yang lebih rendah berbanding SRAI yang lebih tinggi sehingga mencecah RM110 setahun bagi seorang ibu/bapa (Bengkel 1: Ogos 2010).

Persoalan persepsi AJK PIBG terhadap sikap kerajaan negeri tentang sejauh mana kerajaan negeri mengambil berat terhadap PIBG mencatatkan peratusan dapatan yang secara keseluruhannya sederhana, tidak pasti tanpa melihat tempoh menjadi AJK PIBG sama ada baru atau lama.

Situasi ini disebabkan oleh perubahan senario politik semasa, kepekaan kerajaan negeri terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh SRAI sendiri (seperti yang telah dijelaskan dalam 8.4) dan kekeliruan masyarakat terhadap fungsi JAIS dan Kerajaan Negeri berkaitan tanggungjawab mereka dalam pembangunan pendidikan Islam di SRA/SRAI (Bengkel 2: Oktober 2010).

Faktor lain yang menyumbang kepada persepsi terhadap Kerajaan Negeri ialah masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah akan disalurkan ke peringkat daerah melalui Majlis Guru Besar (MGB) dan kemudiannya wakil peringkat daerah yang bertanggungjawab menyalurkannya ke peringkat negeri yang akhirnya kadang-kadang proses ini tidak berlaku (Temubual 4 Ogos 2010).

Faktor politik juga memberikan pengaruh yang besar kepada persepsi PIBG SRAI terhadap JAIS dan Kerajaan Negeri terutama isu penyerahan SRAI kepada kementerian yang sememangnya diharapkan oleh sebahagian ibu bapa di SRAI (Temubual : 10 Ogos 2010).

8. RUMUSAN DAN CADANGAN

8.1 Rumusan

Hasil kajian memperlihatkan secara keseluruhannya PIBG yang dianggotai oleh ibu bapa dan guru mengharapkan sistem pendidikan Islam yang berkualiti meliputi semua aspek terutama daripada aspek suasana persekitaran yang kondusif, kemudahan prasarana yang lengkap, kualiti perkhidmatan P&P daripada tenaga pendidik yang berkeelayakan dan hala tuju murid-murid yang jelas setelah menamatkan persekolahan di SRA dan SRAI.

Dari aspek peranannya PIBG di SRA dan SRAI telah menunjukkan komitmen mereka dalam menjalankan fungsinya membantu sistem pendidikan Islam di SRA dan SRAI terutama daripada aspek pengisian aktiviti atau program di sekolah, survival kewangan dan permasalahan sekolah serta kepekaan terhadap maklumbalas daripada pihak ibu bapa/penjaga untuk sebarang langkah penambahbaikan.

PIBG di SRA dan SRAI secara umumnya sangat membantu dalam pembangunan sekolah, kualiti sistem penyampaian P&P, mutu akademik, pembentukan sahsiah murid-murid, membina hubungan baik dengan pihak pengurusan dan pentadbiran sekolah, ibu bapa/penjaga mahupun pihak JAIS.

PIBG di SRA dan SRAI juga sangat membantu daripada aspek sumber kewangan sekolah terutama bagi kegunaan pembangunan prasarana kerana terdapat segelintir sekolah yang terlalu bergantung kepada bantuan PIBG.

Walau bagaimanapun, hasil kajian memperlihatkan dapatan yang berbeza di antara SRA dan SRAI dalam kebanyakan aspek sama ada dapatan yang diperolehi melalui instrumen soal selidik mahu pun protokol temubual dan perbincangan terutama daripada aspek peranan, komitmen dan keberkasanan fungsinya.

Sememangnya PIBG bertanggungjawab membina suasana hubungan yang harmoni dengan semua pihak untuk pembangunan sistem pendidikan Islam peringkat rendah.

Banyak isu yang perlu diberikan perhatian sewajarnya terutama isu kelayakan dan kemahiran profesional guru-guru bagi mata pelajaran akademik, perkhidmatan P&P, sukatan kurikulum akademik dan hala tuju murid-murid lepasan SRAI. Tindakan susulan memerlukan langkah segera melalui medium kerjasama yang melibatkan pihak sekolah, PIBG, MPPIBG, JAIS dan seterusnya perhatian dari kerajaan negeri. Langkah susulan ini perlu untuk mengembalikan komitmen, keyakinan dan kepercayaan PIBG terutama pihak ibu bapa supaya peranannya akan lebih diperkasakan demi pembangunan sistem pendidikan Islam di Selangor.

Secara keseluruhannya PIBG di SRA dan SRAI telah memainkan peranannya selaras dengan kehendak dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa & Guru) 1998 di bawah Akta Pendidikan 1996 untuk membantu dalam pembangunan sekolah dan akademik murid-murid serta membina hubungan dan kerjasama yang harmonis di antara pihak sekolah dengan ibu bapa walaupun dengan kadar yang minimum.

Bagi merealisasikan peranan PIBG supaya dapat terus diperkasakan, MPPIBG sekali lagi menjadi wadah penyatuan PIBG daerah-daerah melalui sokongan semua pihak terutama pihak JAIS dan kerajaan negeri. Tambahan pula terdapat usaha untuk merealisasikan penubuhan MAPPIS sebagai tulang belakang sistem pendidikan Islam di Selangor yang mewakili pihak ibu bapa khususnya ke arah me`masyarakatkan` sekolah dan men`sekolah`kan ibu bapa di peringkat negeri Selangor.

8.2 Cadangan

8.2.1 PIBG SRA dan SRAI

- a. PIBG SRA/SRAI hendaklah membina hubungan baik dengan pemimpin setempat/wakil rakyat dan berusaha mendapatkan kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO).
- b. PIBG perlu bersikap saling membantu dan sentiasa ingin membantu sama ada sumbangan idea atau material dalam usaha mencari dana.
- c. PIBG hendaklah memaklumkan kepada ibu bapa tentang misi dan visi PIBG dalam sebarang pertemuan atau forum.
- d. PIBG perlu menumpukan kepada isu-isu lebih besar seperti penambahbaikan kualiti sahsiah anak-anak, kemahiran insaniah dan kebajikan murid-murid.
- e. PIBG hendaklah diberi kefahaman tentang peranan sebenar melalui program-program khas seperti kursus, seminar, bengkel dan sebagainya.
- f. PIBG hendaklah memberi sokongan moral dan sumbangan tenaga, ilmu pengetahuan, kewangan dan pengalaman untuk meningkatkan tahap profesionalisme guru-guru SRA dan SRAI terutamanya guru KAFA tanpa ikhtisas secara sendiri atau melalui program kerjasama dengan JAIS dalam pembinaan modul.
- g. PIBG hendaklah mengadakan aktiviti yang boleh menambah nilai dan memperbaiki hubungan dua hala ke arah me`masyarakat`kan sekolah dan men`sekolah`kan ibu bapa kerana PIBG berperanan sebagai `jambatan` di antara sekolah dengan ibu bapa.
- h. PIBG hendaklah mengadakan program kepada ibu bapa tentang kesedaran dan tanggungjawab mendidik anak mengikut landasan syariat.

- i. PIBG disarankan mengadakan program kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menghantar anak ke sekolah agama di peringkat rendah.
- j. PIBG disarankan menubuh dan memperkasa Alumni sekolah dan fungsinya.
- k. PIBG hendaklah sentiasa peka dengan kehendak dan keperluan semasa sekolah.
- l. PIBG hendaklah menilai semula matlamat dan teras penubuhannya secara makro dan mikro.
- m. PIBG SRA dan SRAI hendaklah mengambil contoh aktiviti dan komitmen PIBG sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan.

8.2.2 Pihak Sekolah

- a. Pihak sekolah hendaklah bersifat terbuka dan telus, bukan *defensive*, kepada PIBG.
- b. Pihak sekolah hendaklah mengiktiraf peranan PIBG sebagai '*support agent*' terutama dalam penyelesaian masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah.
- c. Guru-guru hendaklah lebih bersikap profesional dalam kerjaya dan komunikasi di tempat kerja mahu pun dengan ibu bapa.

8.2.3 JAIS

- a. JAIS hendaklah membuat penilaian semula terhadap falsafah pendidikan Islam di Selangor dan kurikulum pendidikan Islam peringkat rendah bagi memenuhi aspirasi pendidikan kerajaan negeri Selangor menerapkan nilai akhlak dalam pendidikan Islam peringkat rendah.
- b. JAIS perlu memberikan perhatian penuh terhadap pembangunan prasarana SRA dan SRAI terutama kepada sekolah-sekolah yang 'terdesak'.

- c. Pihak JAIS hendaklah membuat keputusan segera dalam isu program LINUS di SRAI supaya kurikulum akademik di SRAI tidak ketinggalan dari SRK.
- d. Pihak JAIS hendaklah memberikan kebenaran rasmi penggabungan PIBG atau MPPIBG SRA dan SRAI di negeri Selangor.
- e. Pihak yang bertanggungjawab di JAIS dalam pengendalian dan pemantauan sistem pendidikan di SRAI perlu sentiasa peka dengan keperluan semasa sukatan kurikulum akademi dan permasalahan lain di SRAI seperti isu LINUS dan KSSR di samping membantu SRAI mendapat maklumat perkembangan kurikulum Kementerian dari PPD.
- f. Pihak JAIS hendaklah membuat penilaian semula atau menyediakan modul yang sesuai dengan semua peringkat/kategori guru bagi memperbaiki dan mempertingkatkan kemahiran dan tahap profesionalisme guru-guru.

8.2.4 Kerajaan Negeri

- a. Kerajaan negeri hendaklah menunjukkan sokongan padu bukan sahaja kepada MPPIBG daerah, malah PIBG SRA dan SRAI di seluruh negeri Selangor melalui program ‘turun padang’, majlis dialog dan sebagainya.
- b. Kerajaan negeri hendaklah memandang serius terhadap permasalahan di SRA dan SRAI terutama aspek prasarana dengan mengambil langkah penambahbaikan demi mengembalikan keyakinan serta kepercayaan ibu bapa terhadap sistem pendidikan Islam di Selangor.
- c. Kerajaan negeri hendaklah memantau peranan pihak berkaitan di JAIS yang bertanggungjawab terhadap permasalahan di SRA dan SRAI.

- d. Kerajaan negeri hendaklah menambah bilangan Sekolah Agama Menengah (SAM) bagi menampung bilangan murid-murid lepasan SRA dan SRAI.
- e. Kerajaan negeri hendaklah menambah bilangan SRAI bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.
- f. Kerajaan negeri hendaklah membantu merealisasikan penubuhan Yayasan Pelajaran Islam Selangor (YAPIS).

8.2.5 MPPIBG

- a. MPPIBG hendaklah diperkasakan di peringkat daerah dan negeri dengan sokongan JAIS dan Kerajaan Negeri.
- b. MPPIBG hendaklah terus membantu fungsi Majlis Permuafakatan PIBG Selangor (MAPPIS) dalam usaha merealisasikan YAPIS supaya sistem pendidikan Islam di Selangor dapat diperkasakan dengan sokongan JAIS dan Kerajaan Negeri.
- c. MPPIBG hendaklah berkerjasama dengan JAIS mengadakan program dan membina modul yang sesuai untuk meningkatkan mutu profesionalisme guru-guru terutamanya guru-guru tanpa ikhtisas.

9. KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian diharapkan dapat dijadikan dasar dan panduan untuk memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang ada oleh semua pihak sama ada pihak pentadbiran sekolah, PIBG, JAIS dan kerajaan negeri Selangor terutamanya daripada aspek perkhidmatan P&P, pembangunan prasarana sekolah, hala tuju murid-murid lepasan SRA dan SRAI serta hubungan kerjasama semua pihak.

RUJUKAN

- Abdul Raof Dalip & T. Subahan Mohd. Meerah (1991) *Isu-isu Latihan Mengajar*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Kilani Mohamed (2003) *Pengurusan Pendidikan di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam*. 2003. Skudai: Penerbit UTM.
- Ahmad Zabidi Bin Abdul Razak (2003) *Persepsi Guru Terhadap Ciri-ciri Sekolah Berkesan: Satu Kajian di Beberapa Buah Sekolah Agama Menengah Di Selangor*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengurusan, Perancangan Dan Dasar Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Babbie, Earl (1986) *The Practice of Social Research*. California: Wadsworth Publishing.
- Bengkel Pemerkasaan PIBG dalam Sistem Pendidikan Islam Peringkat Rendah di Negeri Selangor Siri 1, 2 Ogos 2010, Hotel UNITEN, Bangi.
- Bengkel Pemerkasaan PIBG dalam Sistem Pendidikan Islam Peringkat Rendah di Negeri Selangor Siri 2, 14 Oktober 2010, Hotel UNITEN, Bangi.
- Burns, Roberts.B. (2000) *Introduction to Research Methods*. London: sage Publications.
- Eugenia Hepworth Berger (2008) *Parents As Partners In Education*. Ohio: Pearson Merill Prentice Hall.
- Halim Tamuri (Dr), Adnan Yusopp (Dr), Kamisah Osman (Dr), Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak (2004) *Laporan Penyelidikan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia Dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Hussein Hj. Ahmad (1993) *Pendidikan dan Masyarakat: Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Leonard Kaplan (1992) *Education and The Family*.Massachusets: Allyn and Bacom.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999) *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Ismail Othman (2004) *Undang-undang untuk Pengetua Dan Guru Besar*. Pahang:PTS Publications & Distributors.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003) *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Sidek Baba (Prof)(Dr) (2006) *Pendidikan Rabbani*.Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.Suzalie Mohamad (2003) *Memahami Isu-isu Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Temubual Bersama Guru-guru Besar/Wakil Guru Besar dan YDP PIBG SRA dan SRAI Negeri Selangor.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2005) *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie (2001) *Pentadbiran Pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.